

# Harakah: Mustafa tunggu laporan

UM 25 FEB 2002

KUALA TERENGGANU 24 Feb. — Pengerusi Lembaga Pengarah *Harakah*, Datuk Mustafa Ali berkata, beliau akan mendapatkan laporan terperinci mengenai penerbitan rencana pengarang yang membidas ulama dalam keluaran terbaru organ rasmi Pas itu.

Mustafa yang juga Naib Presiden Pas mendakwa, beliau sendiri belum membaca artikel tersebut, malah belum mendapat gambaran yang jelas mengenainya.

“Pada prinsipnya akhbar *Harakah* terbuka dalam membicarakan sesuatu seperti kita siarkan surat-surat pembaca yang mengkritik Pas dan ulama,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau yang baru pulang dari luar negara malam kelmarin menyatakan demikian ketika diminta mengulas penerbitan rencana pengarang *Harakah* melalui sisipan edisi bahasa Inggeris yang membidas ulama kerana mengangap mereka tidak boleh dikritik kerana mewakili Nabi.

Kelmarin, Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar mendakwa

kononnya wujud unsur-unsur sabotaj terhadap akhbar tersebut berikutan tersiarnya rencana pengarang berkenaan yang dianggap terpesong daripada pendirian sebenar Pas.

Menurut Mahfuz, beliau akan menulis surat rasmi kepada pengurusan *Harakah* meminta agar mereka menyiasat secara terperinci berkaitan perkara tersebut.

Mahfuz juga meminta ang-

gota sidang pengarang bahagian bahasa Inggeris akhbar berkenaan dirombak secara besar-besaran.

Rencana bertajuk *Kepimpinan Ulama-Tetapi Siapakah Ulama?* itu menyoal berpendirian bertentangan daripada keseluruhan akhbar berbahasa Melayu tersebut yang terlalu akur kepada prinsip Pas.

Mengulas mengenai pendirian Pas, Mustafa menolak tanggapan bahawa parti itu berpendirian bahawa ulama tidak boleh dikritik atau ditegur.

“Pengalaman saya, tidak pernah dengar pimpinan kita kata ulama tidak boleh ditegur... malah saya sendiri ada membuat teguran tetapi dalam menegur itu ada adab-adabnya,” ujar beliau.

Ditanya mengenai artikel tersebut yang hampir menyamai pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Mustafa berkata: “Saya tak baca dan tak tahu mengenainya.”